

HARI RAYA

Aidilfitri 1376

Demikianlah Hari Raya Aidilfitri ini sentiasa membawa kita kepada beberapa ajaran penting yang sering kita lupakan begitu sahaja, maka patut benarlah soal-soal ini menjadi tujuan kepada mubaligh-mubaligh kita selepas Hari Raya yang mulia ini kelak - kata saudara Johari menutup tulisannya ini: P.Q

(oleh: Johari Ahmad)

Allāhuakbar, Allāhuakbar, Allāhuakbar, walillāh al-hamdu !

Matahari Syawal memancar kembali, membawa cahaya baharu, sinaran baharu, getaran jiwa yang baharu. Dari pagi-pagi lagi kita kaum Muslimin melagukan ucapan “takbir” dan “tahmid” seruan kebesaran dan kepujian. Engkaulah Tuhan yang Maha Besar, engkaulah yang mentadbirkan alam ini dengan kuasa dan bijaksana-Mu. Engkaulah yang mengedarkan matahari, bulan, bumi ini dari detik ke detik, dari zaman ke zaman.

Timbullah kembali dalam jiwa kita beberapa cetusan perasaan seperti juga perasaan ini pernah tercetus dari jiwa kita tahun yang lalu, iaitu perasaan-perasaan syukur, perasaan suka, perasaan *rāhīm*. Syukur kerana ujian batin selama ini – medan jihad *akbar* selama ini – dapat kita lalui dan atasi dengan tenang dan sabar, kita lulus dalam ujian berpuasa, kita mendapat pancaran jiwa yang baharu dari berpuasa itu, untuk bekalan menempuh hidup selama setahun lagi. Suka: kerana dapat bersilatullah dengan sanak famili, dan teman sejawat, memakan hidangan yang tersaji, minum seteguk dua air, membasah tekak, baju pun

bersalin, baju putih bersih, kasut pun bercahaya - berkilat-kilat disinari matahari, dan kain menutup aurat dibeli ibu dipakailah dengan sedap, dihembus angin pagi. *Rahīm*: kerana dapat mengeluarkan zakat fitrah yang menjadi kewajipan kita menunaikan setahun sekali, selain dari zakat harta. Dengan zakat fitrah kita hidupkanlah roh persaudaraan kita sesama kita, kita himpun zakat fitrah itu untuk memperbaiki masjid-masjid, surau langgar, pun dengan zakat fitrah itu kita hiburkan hati fakir miskin, teman-teman kita juga, kaum Muslimin yang menjadi kewajipan kita juga membelanya.

Aduhai! Terhiburlah sedikit hati yang resah gelisah ini, hati nan lara, terheninglah sebentar air mata yatim yang berderai mengenang ayahanda bonda yang nun jauh dalam “kubur”. Masakan tak terhibur, kerana ada juga terdapat orang-orang dari seagama – sebangsa yang mahu sama-sama memikul beban derita batin ini: “Berat sama dipikul, ringan sama dijinjing” inilah umat Muhammad! Inilah umat pilihan, umat *wustā* yang menjadi saksi di antara bangsa. Dan manakan tak terhening ait mata, kerana sedikit sebanyak sudahlah terubat jiwa yang lara ini.

ada tangan bonda yang halus, dari umat Muhammad ini, sama seperti bonda isteri-isteri Junjungan dahulu yang menyapu kepala, sambil membawa adikku si yatim itu ke rumahnya, memberi makan sama seperti dia memberi makan anak-anaknya yang dikasihi dan dicintai; memberi persalinan sekadarnya dari baju-baju lama yang disimpan dalam peti.

Kita turutkan tahmid dan takbir, kita langkah bersama-sama teman sejawat beriring-iring ke tempat sembahyang raya, kita hadapkan muka kita ini dengan khusyuknya kepada Allah *rabb al-'izzah*, kita dengar khatib berkhotbah, menyampaikan ajaran iman, pesanan Rasul, kemudian kita teruskan gema takbir: *Allāhuakbar!*

Demikianlah wahai umat Muslimin, kita rayakan hari yang mulia ini dalam garisan yang sudah ditetapkan Nabi.

Falsafah Takbir

Bagi kita lafaz takbir itu tidaklah kita ucapkan dengan sia-sia, bagi kita lafaz sakti ini mengandungi erti yang amat besar sekali, dalam, terhunjam ke dalam jiwa.

Ucapan takbir itu bagi kita bererti kita “membesarkan” Allah dengan segenap anggota, fikiran, dan jiwa kita. Lafaz “Allah” itu bagi kita yang insaf mencetuskan dua falsafah yang maha penting dalam kehidupan kita sehari-hari, yakni: falsafah *rubūbiyyah*, dan falsafah *rahmāniyyah*. Maka “falsafah *rubūbiyyah*” itu menjelmakan ke dalam jiwa kita perkataan-perkataan yang seolah-olah mengimbau perasaan kita dalam gerak langkah kita sehari-hari, seolah-olah Tuhan berkata dalam bahasa kita yang kita mengerti.

“Akulah Tuhan yang memelihara, menciptakan, mendidik dan menyempurnakan segala sesuatu di alam ini, dan demikian juga di dunia ini di berbagai sudut dan tempatnya.

“Tidaklah Ku adakan beza dan pisahan di antara

berbagai bangsa dan suku dunia ini, baik di timur atau di barat.

“Tidaklah ada manusia, pohon, batu, dan tanah yang wujud dengan sendiri, mereka semua merasai limpahan kurnia-Ku, semua bibit datangnya daripada-Ku.....”

Adapun falsafah *rahmāniyyah* mencetuskan perkataan-perkataan:

“Akulah pelimpah kurnia bagi segala kekuatan insani sebelum ada usaha manusia itu sesuatu pun. Ku sediakan bagi setiap bangsa, suatu tanah air dan tempat kediaman dengan tak ada usaha dari bangsa itu lebih dahulu.

“Udara, cahaya, tanah, air, dan segala bahan kehidupan dan keperluan semenjak dari mula sampai menjelma ke alam nyata ini, Ku sediakan semuanya untuk manusia dan segala makhluk-makhluk-Ku yang lain, maka hai segala manusia, makhluk-Ku yang tertinggi, bersyukurlah engkau kepada-Ku!”

Bagi kita lagi, takbir mengajar kita bahawa yang wajib wujudnya, yang kekal abadi, tiada didahului oleh tiada (Adam), serta tidak rosak binasa selama-lamanya, bersifat sempurna dan suci daripada kekurangan dan kerendahan hanyalah: “Allah”! Tidak seorang jua pun yang dapat menyamai kebesaran-Nya dan mengalahkan kekuasaan-Nya. Semua manusia di dunia ini dalam pandangan-Nya hanya sama, kecuali amal baktinya, amal solehnya, jalan keredhaan Tuhan yang dilaluinya. Semua itulah yang menjadi sukatan ketinggian dan keredhaan.

Falsafah Berfitrah

Di samping takbir maka kewajipan berfitrah pun mengandungi ajaran yang sangat dalam. “Fitrah” itu, kata ahli bahasa ertinya: “suci”, ertinya dalam bahasa yang lebih halus “murni” ibaratlah emas

urainya belum bercampur dengan yang lain, masih bersih, dan masih asli. Maka adalah “murni”, tetapi kemudiannya, oleh iklim, pendidikannya, masyarakatnya, pergaulan hidupnya, akan memberikan “corak” apa pun kepadanya. Maka corak-corak atau kesan-kesan itulah yang nanti akan mengotorkannya, atau memberi warna yang lain. Selain daripada itu hawa dan nafsu, tamak dan loba sedikit mengotori, fitrah manusia itu, maka: untuk sesekali membersihkan fitrah itu biar kembali bersinar, umpamanya, jika perasaan “tamak” itu agak mendalam supaya dikikis biar bersih sedikit, jika perasaan kasihan tidak ada biar sedikitnya ada, maka Allah pun memfardhukanlah “zakat fitrah” ini. Dialah yang mengajarkan si bakhil supaya tidak kekal dalam kebakhilannya sepanjang tahun, Dialah yang mengajar orang yang tidak beradab supaya beradab, “gembira di dunia ini bukan untuk mu seorang, orang lain pun berhak jua, bahagia di dunia ini untuk manusia semuanya....

Ajaran Sembahyang Berjemaah

Adapun sembahyang Hari Raya beramai-ramai itupun bukan sedikit mengandungi erti, seolah-olah Tuhan mengajarkan kita supaya tetap bersatu. Lihatlah barisan sembahyang “*‘eid*” ini, lurus sama seperti lurusnyanya barisan tentera. Kemudian dalam bacaan sembahyang itu pun bukan sedikit terdapat ajaran, dalam *al-Fātihah* umpamanya mengenai ayat: “Engkaulah yang kami sembah – Engkaulah yang kami minta tolong” mengandungi erti: “Bahawa kita hidup sekarang ini tidaklah seperti manusia yang tidak mempunyai kepercayaan. Kita memohon pertunjuk Tuhan untuk “menyelesaikan” semua soal kita sekarang, soal tanah air, soal “dunia *International*”. Kemudian kita serukan: “Tunjukilah kami ke jalan lurus, benar.

Ertinya: Tunjukilah kami ke jalan bahagia yang Engkau redhai, yang Engkau kurniakan kepada umat-umat baik, dalam zaman-zamannya yang terdahulu daripada kami. “Seruan ini merupakan suatu seruan yang melahirkan azam dari segenap manusia Muslim untuk mencari “jalan bahagia” itu.

Kemudian dalam “lafaz” (Assalamualaikum) umpamanya mengandungi seruan perdamaian yang sangat besar, “selamat sejahteralah di atas mu sahabat.” Dan sahabat kita pun menjawab pula: “Engkau pun tetap dalam selamat sejahtera”. Kita cetuskan salam perdamaian ini di tengah-tengah masyarakat dunia yang hebat sekarang, serentak dalam sehari, dalam seketika. Alangkah besarnya sumbangan umat Muhammad kepada perdamaian dunia!

Ajaran Berimam – Berkhutbah

Demikianlah juga dengan ajaran berimam dan berkhutbah, seolah-olah menyatakan kepada kita betapa besar ertinya kedudukan umat dengan pemimpin itu, umat yang tidak mempunyai pemimpin akan lebur, pecah, kandas!

Khutbah itu sendiri mengandungi erti bahawa amat besarlah tugas “penerangan” untuk disampaikan kepada umat. Dengan penerangan kita pemimpin jiwa umat itu ke arah jalan yang dikehendaki Allah, dengan penerangan kita majukan fikiran umat, untuk memecahkan soal-soalnya sendiri dan juga soal-soal dunia sekarang. Dengan demikian, maka kita seolah-olah dengan tegas membawa umat Islam di tanah air kita ini ke dalam rangkaian umat yang maju dan jaya.

Demikianlah beberapa pokok penting yang harus kita renungkan, kita kaji, demi sesaat kita menyambut Aidilfitri ini, sedang di sana sebenarnya masih ada

Sambungannya pada muka 11